

20 MARCH 1998

Dr Mahathir-MSK

PM: FASA DUA MSC AKAN DIHUBUNGGAN DENGAN BANDARAYA LAIN

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata fasa dua projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menyaksikan koridor itu dihubungkan dengan bandaraya-bandaraya lain di Malaysia dan di seluruh dunia.

"Semasa itu kita menjangka lebih 250 syarikat berada dalam MSC. Menjelang tahun 2020, seluruh negara akan menjadi Koridor Raya Multimedia dengan sekurang-kurangnya sejumlah 12 bandaraya pintar dihubungkan kepada lebuhraya maklumat dunia dan seterusnya menjadi penghubung kepada semua bandar pintar di seluruh dunia."

Beliau bagaimanapun tidak memberi tempoh masa bila fasa dua akan bermula.

Penyertaan dalam MSC pada tahun 2020 akan meningkat kepada kira-kira 500 buah syarikat bertaraf dunia, katanya pada Persidangan Pelabur MSC di pameran CeBit 98 di sini.

CeBit 98 adalah pameran terulung teknologi maklumat dan industri telekomunikasi dan kesempatan itu digunakan oleh perdana menteri untuk mempromosi projek MSC terutama di kalangan pelabur Jerman.

Ini merupakan misi keenam Dr Mahathir mempromosikan MSC selepas lawatan ke Lembah Silicon, Hollywood, United Kingdom, Jepun dan Kanada.

Beliau memberitahu para pelabur berkenaan bahawa kerja-kerja mewujudkan MSC telah berjalan setahun lebih awal daripada jadual dan infrastruktur "kasarnya" telah dijalankan dengan giatnya.

Pada asasnya, MSC merupakan sebuah kawasan khusus untuk teknologi maklumat dan operasi multimedia dengan keluasan 15 kilometer kali 50 kilometer, meliputi kawasan dari Menara Kembar Petronas di Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Setakat ini sambutan yang diterima adalah di luar jangkauan dan 110 buah syarikat telah diberi status MSC dengan 84 daripadanya sudah pun beroperasi.

Sejak April tahun lepas, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menerima 180 permohonan, dengan 43 peratus daripadanya adalah syarikat-syarikat Malaysia, 23 peratus usaha sama antara firma Malaysia dan syarikat asing dan 34 peratus lagi terdiri daripada syarikat asing. Dua belas peratus permohonan adalah daripada firma asing Eropah.

Daripada kesemua permohonan untuk mendapatkan status MSC itu, pendapatan sebanyak RM13 bilion dianggarkan dapat diraih pada tahun kelima operasi dan keuntungan sebanyak RM5 billion atas pelaburan berjumlah RM4 bilion.

Sejumlah 25,000 pekerja berilmu diperlukan pada tahun kelima operasi dan pemberian status MSC dipanjangkan kepada institusi pengajian tinggi Malaysia bagi membantu memenuhi permintaan sumber manusia oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Dr Mahathir berkata MSC tidak akan menghadkan pengambilan pekerja-pekerja berilmu dari luar dan mereka yang dikategorikan sebagai "tetamu khas" akan diberikan visa pelbagai kemasukan supaya mereka dapat keluar-masuk ke MSC tanpa banyak kerengah dan masalah.

MSC juga akan membenarkan pemilikan 100 peratus oleh syarikat asing dan menawarkan pelbagai insentif menarik sehingga 10 tahun pengecualian cukai.

Dr Mahathir juga memberi jaminan kerajaan tidak akan campur tangan dalam kandungan Internet, "Kami tidak akan tapis Internet...tetapi sekiranya bahan-bahan yang tidak diingini diedarkan secara haram contohnya

bahan lucah, ia tertakluk kepada undang-undang negara."

Beliau juga meyakinkan para pelabur bahawa kerenah birokrasi akan dikurangkan kepada yang paling minimum dan syarat-syarat rasmi akan dikurangkan serta kelulusan bagi permohonan permit kerja akan disegerakan.

Dr Mahathir berkata MSC akan menjadi pusat ujian teknologi tinggi dunia di mana teknologi multimedia akan dihasilkan dan diuji tanpa sekatan bagi industri komunikasi alaf baru. -- BERNAMA

SHY oba